Pelan Induk Sektor Kewangan

Objektif Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) adalah **'untuk menyediakan pelan bagi pembentukan satu sistem kewangan yang berkesan, berdaya saing, berdaya tahan, dan dinamik dengan amalan terbaik, yang berupaya menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sepanjang kitaran ekonomi secara positif, dan mempunyai satu kumpulan teras institusi kewangan domestik yang mantap dan berpandangan ke hadapan dan berorientasikan teknologi serta sedia menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi'.** Meskipun peluang telah terbuka dalam persekitaran baru ini, ancaman daripada pasaran global semakin memuncak memandangkan peserta global dan kemajuan teknologi telah memberi kesan yang sebelum ini belum pernah berlaku ke atas pendekatan perniagaan perbankan dan kewangan. Berlatarbelakangkan perkembangan ini, adalah penting bagi sistem kewangan, terutamanya institusi kewangan domestik untuk menjadi lebih berdaya tahan dan efisien sekiranya Malaysia mahu sektor kewangannya terus efektif dan responsif dalam menghadapi ekonomi dalam negeri yang semakin global, liberal dan kompleks.

Di alaf baru, masa depan sistem kewangan bergantung kepada keupayaannya untuk melahirkan sekumpulan peserta kewangan yang dinamik yang mampu menyediakan sokongan kepada ekonomi domestik dan lebih penting lagi, yang semakin efisien dan berdaya saing serta mantap dan stabil yang berupaya menyokong proses transformasi ekonomi. Institusi perbankan Malaysia perlu berusaha mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan mereka agar setanding dengan peserta global dari segi kecekapan, keberkesanan dan kestabilan kewangan. Dengan berlatarbelakangkan objektif sosioekonomi negara, visinya adalah ke arah pembangunan sebuah sektor kewangan yang pelbagai.

Dalam mencapai matlamat terakhir iaitu sektor kewangan yang efektif, efisien dan stabil, blok-blok pembentukan pelbagai bahagian sektor kewangan perlu disediakan bagi membina asas yang kukuh untuk kemajuan selanjutnya. Oleh itu, saranan-saranan adalah ditumpukan kepada usaha untuk menambah kapasiti dan keupayaan domestik sebelum mula melaksanakan usaha memperkenalkan persekitaran yang lebih berdaya saing dan maju, seterusnya ke arah integrasi antarabangsa yang lebih tinggi.

Usaha untuk memantap dan membangunkan sistem kewangan memerlukan penilaian berhubung perkhidmatan kewangan yang diperlukan apabila Malaysia beralih ke ekonomi baru dan penilaian ke atas implikasi kuasa-kuasa pengubah di dalam suasana global dan domestik. Landskap sistem kewangan Malaysia di masa hadapan akan diperkembangkan dengan berlatarbelakangkan persekitaran ekonomi dan pasaran kewangan yang semakin global dan bersepadu. Peluang kini diambil untuk menumpukan perhatian kepada agenda jangka sederhana dan panjang untuk mewujudkan sebuah sektor kewangan yang responsif kepada keperluan-keperluan ekonomi yang sering berubah dan sebuah sistem kewangan yang kukuh dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan di dalam persekitaran baru ini. Dalam konteks objektif ini, PISK telah dirangka bagi menggariskan strategi-strategi bagi pembangunan sektor kewangan. Sistem kewangan yang berbagai dan berdaya saing adalah penting bagi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang dalam memastikan bahawa risiko di dalam ekonomi dapat diagihkan di kalangan pelbagai subsektor. Matlamat PISK adalah bagi merumus pelan yang menggariskan hala tuju masa hadapan sistem kewangan bagi 10 tahun akan

Dalam mencapai matlamat terakhir iaitu sektor kewangan yang efektif, efisien dan stabil, blok-blok pembentukan pelbagai bahagian sektor kewangan perlu disediakan bagi membina asas yang kukuh untuk kemajuan selanjutnya.

datang yang akan memastikan ianya terus efektif, berdaya saing dan berdaya tahan.

Sektor Kewangan sebagai Pendorong Pertumbuhan Ekonomi

Sektor kewangan akan terus merupakan penentu prestasi ekonomi yang penting dan kualiti hidup serta kemakmuran negara. Sektor kewangan setakat ini telah berkembang sejajar dengan arus perubahan di dalam profil ekonomi dalam negeri. Sebagai contoh, pertumbuhan perdagangan antarabangsa dan aktiviti luar sempadan telah menghasilkan peningkatan di dalam penyediaan kemudahan pembiayaan dagangan dan perbankan antarabangsa. Pada masa yang sama, keperluan untuk melabur secara besar-besaran di dalam prasarana fizikal dan sektor keutamaan lain yang dikenal pasti telah membawa kepada penubuhan institusi kewangan pembangunan bagi memenuhi keperluan khusus ini. Keperluan bagi dana jangka panjang daripada sumber domestik oleh syarikat korporat besar yang berdaya saing dari segi kos telah membantu membangunkan pasaran modal tempatan.

Dengan proses peralihan ekonomi yang berlaku secara beransur-ansur dan peluang ekonomi yang masih belum terbuka luas, dalam melangkah ke hadapan, objektif jangka panjang bagi sektor kewangan domestik akan terus mengambil kira keperluan yang dijangkakan bagi ekonomi. Sehubungan itu, matlamat sektor kewangan bagi sebuah ekonomi yang sedang membangun seperti Malaysia tidak semestinya sama dengan sistem lain yang bertujuan untuk membangun sebagai sebuah pusat kewangan antarabangsa di mana deregulasi dan liberalisasi yang disegerakan adalah merupakan kunci utama proses tersebut. Di dalam sesebuah ekonomi sedang membangun, sistem kewangan mempunyai peranan penting dalam memudahkan proses pertumbuhan dan justeru tidak boleh dibangunkan tanpa mengambil kira keperluan sektor benar. Pertimbangan secara berhati-hati juga perlu diberikan ke atas kedua-dua matlamat iaitu keberkesanan dan kestabilan serta agenda sosial.

Untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan yang efisien dan berkesan, sektor kewangan perlu menyedari betapa pentingnya bidang pertumbuhan baru dan kaedah pembiayaan alternatif lain yang relevan bagi risiko subsektor ekonomi tertentu. Oleh yang demikian, institusi kewangan perlu melengkapkan diri dan proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan perniagaan baru dengan menyedari keperluan bagi struktur ekonomi yang berbagai dan pertumbuhan yang seimbang. Objektifnya adalah untuk mencapai pertumbuhan dan pembangunan yang mapan.

Untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan yang efisien dan berkesan, sektor kewangan perlu menyedari betapa pentingnya bidang pertumbuhan baru dan kaedah pembiayaan alternatif lain yang relevan bagi risiko subsektor ekonomi tertentu.

Landskap Sektor Kewangan pada Tahun 2010

Meskipun tidak mungkin untuk meramal dengan tepat bagaimana struktur sektor kewangan Malaysia dalam masa 10 tahun yang akan datang, setelah mengambil kira perubahan semasa dan bagaimana cabaran yang dihadapi oleh industri ditangani, landskap kewangan di masa hadapan dijangka akan mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- Sektor kewangan yang semakin berbagai bagi memenuhi keperluan struktur ekonomi yang semakin berbagai;

- Persekitaran yang semakin sengit persaingannya dalam sektor perbankan dijangka akan menghasilkan institusi dengan strategi yang terbeza, mengikut kekuatan dan pengkhususan pasaran mereka. Ini bermakna bahawa:

  - Bilangan institusi yang besar dan berpelbagai semakin sedikit. Namun demikian, mereka akan berkembang dengan memanfaatkan hubungan istimewa mereka dengan pelanggan runcit dan pihak korporat bersaiz sederhana untuk menyediakan pelbagai khidmat kewangan yang menyeluruh dalam segmen pasaran yang mementingkan hubungan perbankan dan/atau keselesaan;

Δ Institusi yang akan berjaya adalah merupakan entiti yang terus memanfaatkan kemajuan teknologi untuk merombak proses kerja dan saluran penghantaran serta menawarkan produk dan perkhidmatan terkini yang merupakan pakej kewangan yang lengkap bagi pelbagai jenis pelanggan;

Δ Menggaji dan mengekalkan kakitangan mahir dan melatih semula tenaga kerja sedia ada serta memupuk suatu budaya ingin belajar secara berterusan memandangkan peranan faktor manusia merupakan ciri penentu sesebuah institusi perbankan yang berjaya;

Δ Institusi yang mengkhusus akan muncul:

– Sesetengah institusi akan bersaing untuk menawarkan produk khusus, seperti gadai janji dan kad kredit berdasarkan kos yang rendah atau pemasaran yang lebih baik. Peserta berkenaan dijangka beroperasi di peringkat serantau atau global;

– Sesetengah institusi hanya bersaing dalam segmen tertentu dalam sistem perniagaan, manakala fungsi lainnya menggunakan khidmat pihak ketiga (seperti pemula gadai janji, pemeroses kad kredit atau penyedia perkhidmatan penjagaan); dan

– Sesetengah institusi menguasai jenis pelanggan tertentu seperti industri kecil dan sederhana (IKS) atau individu kaya dengan menyediakan khidmat yang lebih khusus yang melebihi penawaran perbankan tradisional untuk memenuhi keperluan pelanggan yang lebih mereka fahami berbanding pesaing-pesaing lain yang lebih bersifat umum.

Δ Penyedia perkhidmatan yang baru akan lahir sejajar dengan kemunculan teknologi baru dan peningkatan kepopularan penggunaan internet. Ini termasuk syarikat telekomunikasi dan syarikat utiliti lain yang menyediakan khidmat pembayaran bil dan pasaraya serta peniaga runcit lain yang menyediakan kemudahan pinjaman asas.

- Industri insurans akan menjadi lebih dinamik dan berkembang dari segi saiz:

Δ Ekonomi baru akan memberi tekanan kepada industri untuk menjadi lebih berdaya saing selaras dengan peningkatan permintaan bagi perlindungan insurans am di pelbagai sektor. Peningkatan kekayaan di kalangan penduduk akan mempertingkatkan permintaan bagi produk insurans nyawa manakala institusi akan terbeza mengikut keupayaan mereka dalam memperkenalkan produk insurans yang memenuhi keperluan negara;

Δ Persaingan akan menjadi lebih sengit di antara syarikat insurans domestik dan asing, seterusnya merendahkan kos dan premium serta meningkatkan saiz perniagaan dengan ketara;

Δ Tahap profesionalisme industri, terutamanya di kalangan ejen dan penasihat kewangan, akan dipertingkatkan menerusi persaingan, disebabkan permintaan pelanggan yang semakin kompleks dan keperluan untuk terus menyelaraskan peraturan dan pengawalan industri dengan amalan terbaik antarabangsa; dan

Δ Penggabungan dalam sektor insurans tidak boleh dielakkan memandangkan saiz dan skala merupakan faktor utama untuk menanggung risiko dengan secukupnya dalam ekonomi domestik.

- Perbankan Islam dan industri takaful akan menjadi lebih penting dan besar. Peserta-peserta baru akan memasuki industri dan rangka kerja operasi pasaran akan menjadi semakin global;

- Institusi kewangan pembangunan akan diperkukuhkan melalui perumusan peraturan dan pengawalan yang seragam dan mempunyai fokus perniagaan yang strategik serta penggunaan prinsip-prinsip berhemat;

- Prasarana pembayaran akan berubah bentuk berikutan pembaharuan ketara dalam teknologi. Satu sistem pembayaran yang efisien dan stabil akan dibangunkan dengan

menerima pakai rangka kerja pengawalseliaan yang fleksibel, proaktif dan efektif;

- Pasaran modal dan teknologi akan mengurangkan fungsi pengantaraan bank-bank, broker-broker dan pertukaran tradisional:

  Δ Bank-bank akan menawarkan produk tabungan berasaskan pasaran dan instrumen pasaran modal kepada pelanggan tradisional mereka dan tidak hanya tertumpu kepada akaun-akaun deposit dan pinjaman;

  Δ Para pelabur dan penerbit akan meningkatkan aktiviti pinjaman, pengumpulan dana dan perdagangan secara langsung dalam pasaran, berpandukan nasihat kewangan daripada institusi kewangan dan bukannya berdasarkan keupayaan masing-masing;

  Δ Institusi domestik yang mengkhusus yang mempunyai pemahaman yang mendalam tentang keperluan segmen pasaran yang tertentu dan/atau hubungan istimewa dengan pelanggan tempatan dijangka mengembangkan bidang celahan mereka yang menguntungkan. Pengurus dana tempatan atau global yang berjaya dijangka membentuk tanda aras baru bagi menilai prestasi pelabur institusi yang sedia ada dan menyumbang kepada pembangunan industri modal usaha niaga.

- Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir (IOFC) Labuan akan berkembang maju dari segi kewangan Islam, aktiviti insurans dan perniagaan yang dijana menerusi Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan seperti urus niaga produk kewangan dan bukan kewangan selain daripada aktiviti-aktiviti tradisional dan sampingan yang lain.

Memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh institusi kewangan domestik dalam memastikan kestabilan sistem kewangan dan menyokong ekonomi, langkah-langkah perlu diambil untuk:

- Membangunkan institusi-institusi domestik yang terbaik dengan:

  Δ Membina keupayaan institusi-institusi domestik; dan

  Δ Menambah insentif kepada institusi-institusi domestik bagi mendorong peningkatan prestasi.

- Mengekalkan kestabilan sistem kewangan melalui suatu prasarana yang efisien, institusi yang lebih berdaya tahan dan penyeliaan berhemat yang mantap;

- Memenuhi matlamat sosioekonomi Malaysia melalui cara yang akan menghasilkan herotan yang sekecil mungkin dan meminimumkan bebanan ke atas institusi; dan

- Menggalakkan infrastruktur perlindungan pengguna yang lebih berorientasikan pasaran.

Pendekatan Pelaksanaan

Program perubahan yang melibatkan 119 saranan yang akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun yang akan datang akan menjalani tiga fasa pelaksanaan, bergantung kepada pencapaian, peringkat-peringkat kemajuan dan langkah perlindungan yang ditetapkan. Fasa pertama akan ditumpukan kepada peningkatan keupayaan domestik, fasa kedua adalah peningkatan persaingan domestik manakala fasa ketiga pula melibatkan peningkatan integrasi dengan pasaran antarabangsa.

Pada tahun-tahun awal pelaksanaan PISK, tumpuan akan diberi kepada pembinaan kapasiti. Ini termasuk pelaksanaan langkah-

SARANAN AKAN DILAKSANAKAN MELALUI
TIGA FASA SEPANJANG 10 TAHUN AKAN DATANG



langkah bagi meningkatkan keupayaan institusi-institusi kewangan untuk bersaing dan menjadi lebih efisien dan efektif serta langkah-langkah bagi menggalakkan kestabilan. Infrastruktur pengawalseliaan dan institusi akan dipertingkatkan manakala rangka kerja perlindungan pengguna yang lebih efisien akan dilaksanakan.

Fasa pembangunan yang berikutnya akan melibatkan deregulasi pasaran kewangan domestik secara beransur-ansur yang bertujuan untuk menghasilkan persaingan yang lebih tinggi di antara pelbagai institusi kewangan. Pada peringkat ini, institusi-institusi kewangan asing yang sedia ada, terutamanya institusi-institusi dalam sektor perbankan, akan dapat bersaing di tahap yang lebih saksama dengan institusi-institusi domestik. Dalam fasa ini, institusi-institusi kewangan dijangka akan menunjukkan tahap profesionalisme dan kepakaran yang tinggi yang merupakan hasil daripada proses berpanjangan pembinaan kapasiti domestik yang telah dimulakan sebelum ini. Rangkaian institusi-institusi kewangan yang pelbagai, di mana setiap satu memiliki kepakaran dan keupayaan masing-masing akan bersaing dan pada masa yang sama, melengkapi satu sama lain dalam memenuhi permintaan pengguna yang semakin terbeza. Pada masa itu, tadbir urus korporat yang kukuh telah diterapkan di kalangan institusi-institusi ini, didorong oleh tekanan pengawalseliaan serta aktivisme yang lebih tinggi oleh pemegang-pemegang saham dan peserta-peserta pasaran lain. Pendedahan dan pengalaman yang lebih luas dalam pelbagai pasaran kewangan serta penggunaan instrumen-instrumen lindung nilai akan meningkatkan standard amalan pengurusan risiko di kalangan institusi-institusi kewangan. Kecekapan fungsi pelbagai mekanisme perlindungan pelanggan dan rangka kerja bagi mencapai objektif-objektif sosioekonomi yang telah ditetapkan pada peringkat permulaan pelaksanaan PISK adalah penting sebelum persaingan ditingkatkan lagi dalam fasa ini.

Keupayaan institusi-institusi kewangan domestik untuk bersaing dengan lebih bermakna dalam persekitaran yang lebih liberal semasa fasa kedua ini adalah kritikal untuk menentukan tahap liberalisasi pasaran selanjutnya yang ingin dijalankan. Ini adalah bagi memastikan bahawa langkah-langkah liberalisasi tidak akan menggugat kestabilan sistem kewangan dan ekonomi secara keseluruhannya. Oleh itu, langkah-langkah liberalisasi, termasuk kemungkinan memperkenalkan persaingan asing yang baru yang akan dijalankan semasa peringkat pembangunan sektor kewangan yang lebih maju perlu disusun dengan teratur bagi memastikan bahawa langkah-langkah tersebut akan menghasilkan peningkatan yang diharapkan dan menawarkan peluang-peluang dan faedah-faedah baru untuk sistem kewangan domestik dan pada masa yang sama, mengekalkan keseluruhan kestabilan kewangan.

Sektor Perbankan

Sektor perbankan terdiri daripada institusi-institusi berlesen, iaitu bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan, bank-bank saudagar, syarikat-syarikat diskaun dan broker-broker wang, yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK) dan dikawal selia oleh BNM. Sementara sektor kewangan akan menjadi semakin lebih pelbagai, sektor perbankan akan terus menjadi sumber pembiayaan penting bagi ekonomi dalam negeri pada masa hadapan. Oleh yang demikian, pembangunan sistem perbankan, khususnya institusi-institusi perbankan domestik, adalah sangat penting bagi memudah dan menyokong pertumbuhan ekonomi serta proses transformasi ekonomi. Disebabkan terutamanya oleh penguasaan pasaran yang ketara, kekukuhan institusi-institusi perbankan domestik merupakan satu unsur yang amat penting dalam menjamin

Sementara sektor kewangan akan menjadi semakin lebih pelbagai, sektor perbankan akan terus menjadi sumber pembiayaan penting bagi ekonomi dalam negeri pada masa hadapan. Oleh yang demikian, pembangunan sistem perbankan, khususnya institusi-institusi perbankan domestik, adalah sangat penting bagi memudah dan menyokong pertumbuhan ekonomi serta proses transformasi ekonomi.

kestabilan kewangan serta menyumbang ke arah pengukuhan daya tahan ekonomi bagi tempoh jangka panjang. Walau bagaimanapun, kelebihan dari segi pengetahuan yang lebih mendalam mengenai pasaran tempatan di kalangan institusi-institusi tersebut tidak menjanjikan daya saing jangka panjang memandangkan arus globalisasi dan liberalisasi yang kian meningkat. Keupayaan institusi-institusi perbankan domestik bagi memenuhi permintaan yang semakin kompleks dalam keadaan ekonomi yang sentiasa berubah dan pengekalan pegangan pasarannya akan terus teruji dengan meningkatnya persaingan di peringkat domestik. Oleh itu, keupayaan institusi-institusi perbankan domestik untuk terus beroperasi adalah bergantung kepada kemampuan mereka untuk meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanannya dalam penawaran produk supaya setanding dengan peserta bertaraf antarabangsa. Dengan bertambahnya peranan kuasa pasaran, institusi-institusi perbankan domestik perlu bersikap lebih proaktif dalam menyusun strategi agar dapat bersaing dengan peserta global. Inovasi dan penjuruteraan semula strategi adalah amat penting kerana lambat laun proses ini akan menyebabkan institusi-institusi perbankan domestik mengkaji semula tumpuan mereka bagi mendapatkan pasaran khusus masing-masing, dengan pengawasan yang luas daripada badan-badan pengawalseliaan.

Landskap sektor perbankan Malaysia dijangka akan berkembang dan berubah dengan ketara pada masa hadapan. Peserta yang memiliki kekuatan nilai proposisi akan bertahan dan terus berkembang, manakala yang lainnya akan terpaksa meninggalkan pasaran. Tujuannya adalah supaya sekumpulan institusi perbankan domestik teras dapat muncul daripada proses persaingan untuk bersaing secara berkesan dengan bank-bank asing.

Kehadiran institusi-institusi perbankan asing di Malaysia pada masa ini adalah tinggi, menguasai kira-kira 25% daripada pasaran sektor perbankan daripada segi jumlah aset dan jumlah deposit setakat akhir tahun 2000. Pada masa hadapan, institusi-institusi perbankan asing yang sedia ada akan berupaya untuk beroperasi secara saksama dengan institusi-institusi perbankan domestik memandangkan pasaran domestik yang semakin dideregulasikan. Peranan yang dimainkan oleh institusi-institusi perbankan asing akan dinilai berdasarkan sumbangan mereka kepada pembangunan industri kewangan dan pertumbuhan dan kestabilan ekonomi secara keseluruhannya. Pengenalan persaingan asing bentuk baru, terutamanya semasa pembangunan sistem kewangan berada di tahap maju, akan juga dipertimbangkan bagi memastikan sistem kewangan dalam negeri terus berkesan, bertenaga dan responsif terhadap keperluan ekonomi.

Dengan peredaran masa, adalah dijangkakan bahawa kumpulan perbankan domestik melalui proses penggabungan, pengambilalihan, pertukaran aset dan pakatan, akan bertukar menjadi peserta-peserta yang lebih terbeza, didorong oleh kehendak pelanggan dan pemegang saham yang lebih tinggi. Adalah dijangkakan bahawa trend ke arah pencapaian saiz yang optimal akan saling dilengkapi dengan tahap pengkhususan yang lebih tinggi. Institusi-institusi kewangan semakin mengkhusus dalam produk atau fungsi tertentu di sepanjang rangkaian perkhidmatan tradisional. Institusi-institusi tersebut meningkatkan skala dan kemahiran dalam fungsi-fungsi tertentu yang diperlukan untuk menguasai bidang tumpuan mereka, mengurangkan kos dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Setelah mereka berjaya dalam sesebuah pasaran, 'institusi-institusi khusus' tersebut akan mengembangkan kepakaran dan skala lain yang diperlukan bagi menembusi pasaran baru, dan menjadi lebih berdaya saing di peringkat global berasaskan pendekatan strategik dengan memberi tumpuan kepada pasaran produk atau fungsi-fungsi tertentu di sepanjang rangkaian perniagaan mereka.

Suasana pengawalseliaan akan juga mempengaruhi landskap sektor perbankan masa hadapan. Perubahan dalam falsafah dan pendekatan pengawalseliaan yang akan dilaksanakan bermatlamat menyediakan persekitaran yang menggalakkan bagi pertumbuhan dan perkembangan institusi-institusi perbankan. Faktor utama bagi melahirkan persekitaran sedemikian adalah kemampuan institusi perbankan menyesuaikan diri dengan pantas dan bertindak balas serta menyelaraskan operasi mengikut peraturan yang baru.

Bagi para pengguna pula, perubahan dalam cara pemikiran harus dikembangkan mengikut masa. Para pengguna perlu bertanggungjawab ke atas urusan kewangan mereka sendiri bagi mewujudkan persekitaran yang kompetitif dan merendahkan kos modal. Bagi mencapai matlamat ini, satu program pendidikan yang proaktif harus

dilaksanakan agar para pelanggan dapat membuat keputusan yang lebih bijak mengenai hal kewangan mereka. Ketelusan produk dan institusi perlu dipertingkatkan bagi melahirkan kesedaran pengguna yang lebih tinggi terhadap produk bank dan kewangan. Dalam masa yang sama, kefleksibelan yang bertambah dalam proses penentuan harga produk akan melahirkan pelbagai strategi persaingan yang berlainan di antara institusi-institusi perbankan, yang seterusnya akan membawa manfaat kepada para pengguna dari segi kos yang lebih rendah. Kemampuan para pengguna untuk mempengaruhi pasaran untuk bertindak balas secara positif adalah penting bagi meningkatkan tahap deregulasi sektor kewangan domestik.

Satu **program perubahan** akan dilaksanakan dalam jangka masa 10 tahun dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan, inovasi, kefleksibelan, ketahanan dan dinamisme sistem perbankan. Program ini akan memberi tumpuan terutamanya kepada usaha meningkatkan kebolehan institusi-institusi domestik dan meningkatkan insentif untuk memperbaiki prestasi mereka. Program ini mengandungi cadangan-cadangan yang akan dilaksanakan secara berperingkat untuk membangunkan infrastruktur kewangan domestik, mengukuhkan institusi perbankan domestik, menggalakkan kestabilan kewangan dan mencapai objektif-objektif sosial Malaysia dengan cara yang lebih efisien dan efektif, sekali gus membawa kesan gangguan yang paling minimum kepada sektor kewangan.

Pelaksanaan saranan-saranan tersebut akan mengambil kira pendekatan dan langkah-langkah pelindung berikut:

Fasa I **Matlamat utama proses peralihan adalah untuk membentuk satu kumpulan teras institusi perbankan domestik yang kukuh. Oleh itu, langkah-langkah permulaan akan ditumpukan kepada langkah-langkah untuk mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti institusi-institusi perbankan domestik, mewujudkan persekitaran di mana institusi-institusi perbankan terbaik akan muncul, dan membina serta mempertingkatkan infrastruktur.**
Kesemua 'blok pembentukan' bagi melahirkan institusi yang lebih mantap akan dilaksanakan dalam masa dua hingga tiga tahun pertama, beserta langkah-langkah untuk mewujudkan infrastruktur yang diperlukan untuk rangka kerja perlindungan pengguna yang lebih berorientasikan pasaran, yang merupakan unsur penting sebelum memasuki fasa pembangunan seterusnya. Apabila infrastruktur perlindungan pengguna telah wujud, rangka kerja bagi memupuk persaingan yang lebih sengit akan diperkenalkan. Hasil yang sepatutnya ialah kemunculan peserta-peserta dalam negeri yang lebih mantap, efisien dan inovatif daripada yang sedia ada serta lebih berdaya saing dan berdaya tahan.

Fasa II **Lanjutan daripada fasa awal di mana institusi-institusi perbankan domestik membina kapasiti dan keupayaan yang lebih tinggi untuk bersaing, persaingan saksama akan diwujudkan bagi peserta-peserta asing yang sedia ada.**
Ini akan dimulakan dengan penghapusan beberapa sekatan ke atas peserta-peserta asing yang sedia ada bagi mempertingkatkan persaingan dalam industri, serta menawarkan lebih banyak pilihan kepada para pengguna. Walau bagaimanapun, langkah-langkah ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada keupayaan sistem kewangan secara keseluruhannya untuk menyerap perubahan-perubahan ini.

Fasa III **Menimbang memperkenalkan persaingan asing baru dalam fasa ketiga pembangunan.**
Memandangkan persaingan global dan asimilasi ke dalam arena global, sektor perbankan perlu bersedia menghadapi liberalisasi yang lebih hebat. Oleh itu, memperkenalkan persaingan asing baru akan dipertimbangkan. Di samping itu, operasi institusi perbankan domestik akan diperluaskan ke pasaran-pasaran asing. Pada masa yang sama, 'ancaman' yang bakal dihadapi daripada peserta-peserta bukan

kewangan baru dan agresif akan bertindak sebagai insentif untuk peserta-peserta sedia ada bagi mengekalkan daya saing mereka.

Peralihan daripada satu fasa ke satu fasa lain akan berdasarkan pencapaian tanda aras dan cara-cara perlindungan yang telah ditentukan bagi memastikan bahawa langkah-langkah baru yang akan dilaksanakan adalah bertepatan pada masanya dan hala tuju dan objektif-objektif strategik yang diharapkan dapat dicapai.

Sektor Insurans

Sungguhpun industri insurans di Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dari segi kedudukan kewangan dan profesionalisme dalam dekad yang lalu, terdapat keperluan untuk menentukan tanda aras untuk mempercepatkan pembangunan industri ke arah amalan terbaik dan standard prestasi antarabangsa. Khususnya:

- penanggung insurans harus dimajukan lagi dari segi ekonomi berskala;
- kemajuan yang lebih perlu dicapai bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang pengurusan, teknologi maklumat dan pengunderaitan;
- persaingan perlu digalakkan untuk mengurangkan kos pemerolehan, terutamanya dalam insurans hayat, dan premium yang dikenakan dalam insurans am;
- kemasukan saluran pengagihan alternatif, seperti penasihat kewangan bebas, bank, telefon, mel terus dan Internet perlu dimajukan lagi;
- kualiti dan produktiviti tenaga ejensi perlu dipertingkatkan; dan
- rangkaian dan standard produk dan perkhidmatan insurans di Malaysia perlu diperbaiki untuk selaras dengan produk di pasaran yang lebih maju.

Dalam jangka yang lebih panjang, saranan-saranan yang terdapat di dalam PISK adalah bertujuan untuk membina sektor insurans yang lebih cekap, berkesan dan stabil yang dapat terus menyokong keperluan ekonomi benar dan matlamat sosioekonomi negara dalam jangka panjang. Ini melibatkan industri insurans yang:

- merupakan penggerak tabungan jangka panjang yang berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi;
- mempunyai kedudukan kewangan yang berdaya tahan untuk menghadapi kemudahubahan pasaran dan tekanan persaingan;
- menerima pakai amalan-amalan perniagaan dan pengurusan terbaik antarabangsa;
- berada pada tahap inovasi terkini dengan rangkaian produk yang luas bagi pengguna pada harga yang kompetitif;
- mengendalikan perniagaan melalui saluran pengagihan yang menyeluruh dan pelbagai untuk keselesaan pengguna;
- mempamerkan standard profesional dan etika yang tinggi; dan
- lebih produktif dan efisien dari segi kos.

Sungguhpun industri insurans di Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dari segi kedudukan kewangan dan profesionalisme dalam dekad yang lalu, terdapat keperluan untuk menentukan tanda aras untuk mempercepatkan pembangunan industri ke arah amalan terbaik dan standard prestasi antarabangsa.

Untuk mencapai hasrat ini, PISK menggariskan satu program perubahan yang akan membina keupayaan penanggung insurans domestik untuk bersaing dengan lebih berkesan untuk mendapatkan bahagian pasaran insurans yang berkembang tanpa merendahkan komitmen antarabangsa untuk meliberalisasikan sektor insurans, sementara memastikan pengguna di Malaysia mempunyai akses kepada produk dan perkhidmatan yang terbaik untuk memenuhi keperluan mereka. Ini akan

dicapai melalui satu siri langkah yang dirangka untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing penanggung insurans domestik, menggalakkan penggabungan dan menerima pakai amalan-amalan terbaik serta merangsang inovasi melalui liberalisasi secara beransur-ansur.

Saranan-saranan bagi sektor insurans akan dilaksanakan dalam beberapa fasa, dalam tempoh 10 tahun di bawah pelan peralihan yang terurus yang dirangka untuk meminimumkan ketidakstabilan dalam industri sementara memastikan perubahan yang pesat tetapi mampu bertahan. Langkah-langkah jangka pendek dan sederhana akan ditumpukan kepada memperbaiki prestasi penanggung insurans yang bertanggungjawab serta menggalakkan penggabungan industri. Ini akan diikuti dengan langkah-langkah untuk meningkatkan liberalisasi sektor insurans dalam jangka panjang apabila penanggung insurans bersedia dengan secukupnya untuk melibatkan diri dalam persekitaran perniagaan yang baru yang dijangka wujud selepas proses liberalisasi. Kadar kecepatan dan turutan langkah-langkah ini akan ditentukan berdasarkan hasil kajian semula yang dijalankan terhadap kemajuan industri pada selang masa yang tertentu. Walaupun PISK mengambil pendekatan berpandukan kepada pasaran, penekanan akan diberi kepada pengukuhan keupayaan, peningkatan prestasi dan penggabungan industri.

Perbankan Islam dan Takaful

Berdasarkan prestasi cemerlang perbankan Islam dan takaful sejak pelancarannya, PISK dirangka untuk menempatkan industri ini secara strategik untuk memasuki tahap pembangunan yang seterusnya dan meningkatkan kepentingannya dalam landskap kewangan Malaysia. Tahap penembusan pasaran kini, sebanyak 6.9% bagi perbankan Islam dan 2% bagi takaful mencerminkan potensi besar yang masih belum diterokai. Memandangkan usaha-usaha Malaysia sebagai peneraju dalam menggalakkan perbankan Islam dan takaful serta penyediaan infrastruktur kewangan bagi menyokong operasi kewangan Islam, Malaysia berkedudukan strategik untuk membina pengkhususan dalam pasaran domestik, serantau dan antarabangsa dalam perbankan Islam dan takaful.

Berlatarbelakangkan situasi ini, objektif perbankan Islam dan takaful adalah untuk membentuk satu sistem kewangan Islam yang cekap, progresif dan lengkap yang dapat memberi sumbangan bermakna kepada kecekapan dan keberkesanan sektor kewangan Malaysia di samping memenuhi keperluan ekonomi negara.

Landskap industri perbankan Islam dan takaful pada tahun 2010 dijangka akan terbentuk seiring dengan perbankan dan insurans konvensional dengan ciri-ciri berikut:

- Memaparkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau;
- Merangkumi 20% daripada juzuk pasaran sistem perbankan dan industri insurans;
- Diwakili oleh sebilangan institusi perbankan Islam dan pengusaha takaful yang kukuh dengan modal yang besar yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang lengkap dan komprehensif; dan
- Berlandaskan rangka kerja Syariah, perundangan dan pengawalseliaan yang sesuai dan komprehensif.

Bagi mencapai wawasan dan objektif-objektif ini, saranan-saranan dan strategi khusus telah dirangka untuk ditumpukan kepada tiga sasaran utama: **peningkatan kapasiti keinstitusian; pembangunan prasarana kewangan;** dan **pembangunan rangka kerja pengawalseliaan.** Peningkatan kapasiti keinstitusian melibatkan langkah-langkah untuk menyediakan peserta-

Memandangkan usaha-usaha Malaysia sebagai peneraju dalam menggalakkan perbankan Islam dan takaful serta penyediaan infrastruktur kewangan bagi menyokong operasi kewangan Islam, Malaysia berkedudukan strategik untuk membina pengkhususan dalam pasaran domestik, serantau dan antarabangsa dalam perbankan Islam dan takaful.

peserta industri perbankan Islam dan takaful agar berada di kalangan institusi yang terbaik dari segi pengurusan, mampu meraih peluang daripada ciri-ciri unik perbankan Islam dan takaful bagi mencapai kelebihan daya saing.

Pelaksanaan saranan-saranan akan dibahagikan kepada tiga fasa. Di bawah Fasa I, tumpuan adalah untuk menyediakan satu landasan yang kukuh dan berdaya maju supaya perbankan Islam dan takaful dapat berkembang dengan sihat. Ini melibatkan pengukuhan struktur operasi sedia ada institusi perbankan Islam, pembinaan rangka kerja pengawalseliaan yang berkesan dan menyediakan struktur awal perundangan. Usaha-usaha untuk mengimbangkan keupayaan institusi perbankan Islam dan pengendali takaful akan juga dimulakan di bawah fasa ini untuk menyediakan mereka bagi menghadapi persaingan yang lebih sengit dalam Fasa II.

Di bawah Fasa II, lesen baru akan diberikan kepada peserta-peserta industri domestik yang layak untuk mempertingkatkan persaingan. Di samping itu, infrastruktur perbankan Islam dan takaful akan dipertingkatkan lagi.

Fasa III akan melibatkan pemberian lesen perbankan Islam kepada peserta perbankan Islam luar negara yang layak sementara memastikan pembangunan infrastruktur yang komprehensif dan berkesan untuk menyokong operasi kewangan dalam persekitaran yang semakin liberal.

Institusi-institusi Kewangan Pembangunan

Di Malaysia, institusi-institusi kewangan pembangunan (IKP) telah ditubuhkan dan dibiayai oleh Kerajaan untuk membangun dan menggalakkan sektor-sektor strategik tertentu dalam ekonomi untuk mencapai matlamat-matlamat sosial. Sektor-sektor yang kini digalakkan adalah industri berteknologi tinggi, industri berorientasikan eksport, pembangunan infrastruktur dan pelaburan-pelaburan berintensifkan modal yang tinggi. Pada masa yang sama, mereka juga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS), sektor pertanian dan sektor perumahan.

Memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh IKP dalam pembangunan sosioekonomi negara, tumpuan strategik bagi institusi-institusi ini adalah untuk terus memenuhi keperluan kewangan ekonomi, melengkapkan sektor perbankan untuk memastikan keperluan pembiayaan semua sektor ekonomi dipenuhi. Wawasan ini dapat dicapai dengan objektif-objektif yang bertumpu kepada peningkatan dalam kecekapan dan kekukuhan IKP supaya objektif tersebut dicapai dengan kos yang minimum.

PISK menjangka yang IKP akan terus berkembang dan memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan strategi-strategi pembangunan negara. Dalam pada itu, saranan-saranan untuk IKP meningkatkan keupayaan, keberkesanan dan kecekapan mereka dalam menyediakan perkhidmatan kewangan telah dimuatkan dalam PISK. Tambahan pula, definisi dan spesifikasi fungsi dan peranan badan penyeliaan tunggal yang bertanggungjawab ke atas IKP adalah disarankan untuk memastikan aktiviti-aktiviti IKP dilakukan dengan berhemat, cekap dan berkesan selaras dengan amalan terbaik. Di samping menyediakan akses kepada pembiayaan, tambahan nilai perkhidmatan yang ditawarkan oleh IKP kepada sektor ekonomi yang disasarkan boleh dipertingkatkan dengan menggalakkan kemunculan IKP sebagai pembantu nasihat utama, pembantu rundingan dan/atau pemberi perkhidmatan pengurusan kepada sektor-sektor ini.

Sebagai sebahagian daripada strategi untuk menggalakkan peningkatan dalam kecekapan dan keberkesanan IKP, beberapa saranan dicadangkan, yang memfokus pada langkah-langkah untuk meningkatkan keupayaan IKP dan untuk memperbaiki rangka kerja pengawalseliaan. IKP akan terus relevan dan penting dalam melaksanakan matlamat dasar Kerajaan untuk pembangunan strategik, sosial dan ekonomi. Untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut, peranan IKP perlu dimandatkan dengan jelas bagi memastikan ia terus ditumpukan kepada aktiviti-aktiviti teras untuk melengkapi dan bukannya bersaing dengan institusi-institusi perbankan yang sedia ada.

Kaedah Pembiayaan Alternatif

Dengan ekonomi berubah kepada pertumbuhan yang didorong oleh perkhidmatan dan produktiviti, sumber pembiayaan yang berbeza adalah diperlukan untuk aktiviti dan industri yang baru. Usaha-usaha perlu ditujukan untuk

mempermudahkan institusi bukan bank membiayai kos permulaan bagi usaha niaga berisiko tinggi dan perusahaan berintensifkan pengetahuan dan teknologi yang mana hanya idea (cagaran tidak nyata) merupakan aset utamanya. Oleh yang demikian, sumber kewangan alternatif misalnya modal usaha niaga dan pembaikan kredit seperti insurans jaminan kewangan dan insurans pertanian, diperlukan untuk melengkapi sumber pembiayaan tradisional yang sedia ada.

- **Industri Modal Usaha Niaga**
  Bagi membolehkan industri modal usaha niaga memainkan peranan yang berkesan dalam menyokong transformasi ekonomi menjadi sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan, industri ini harus mampu menyediakan dana yang mencukupi untuk kesemua peringkat pembiayaan, bermula dari peringkat permulaan hingga ke peringkat sebelum tawaran awam permulaan (pra IPO) dan mampu membiayai keseluruhan sektor ekonomi, khususnya aktiviti berdaya tumbuh tinggi sebagaimana yang dikenal pasti oleh Kerajaan. Industri modal usaha niaga juga harus mempunyai kepakaran dan pengalaman yang perlu untuk menilai usaha niaga baru dan mampu membekalkan perkhidmatan yang menghasilkan nilai ditambah yang berkualiti tinggi kepada syarikat usaha niaga tersebut. Lebih penting, tahap penyelarasan inisiatif Kerajaan untuk memberangsangkan industri modal usaha niaga perlu dipertingkatkan. Satu pendekatan yang holistik perlu diambil untuk membangunkan satu industri modal teroka yang bertenaga di Malaysia.

- **Penubuhan Penanggung Insurans Jaminan Kewangan**
  Bagi menyokong pembangunan pasaran bon, penanggung insurans jaminan kewangan (FGI) akan ditubuhkan untuk memberi jaminan tanpa syarat dan tidak boleh ditarik balik ke atas jumlah pokok dan faedah sesuatu obligasi kewangan yang perlu dibayar oleh pihak yang diinsuranskan. Insurans ini akan meningkatkan kualiti kredit sesuatu bon yang diterbitkan, seterusnya menggalakkan penjimatan kos faedah kepada penerbit bon. Di samping itu, pembaikan kredit kepada terbitan PDS akan mempunyai faedah-faedah berikut:

  - Δ Mobilisasi tabungan bagi membiayai projek infrastruktur jangka panjang;
  - Δ Peluang yang lebih baik untuk pembaikan kredit;
  - Δ Peralihan risiko sistemik daripada sektor perbankan; dan
  - Δ Memastikan obligasi pembayaran.

- **Membiayai Sektor Pertanian**
  Separuh kedua dekad 1980an menyaksikan perkembangan pesat sektor perkilangan dan pengurangan dalam sumbangan sektor pertanian. Bagi memulihkan pertumbuhan yang seimbang dalam ekonomi, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menggiatkan semula sektor pertanian melalui Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3). Keperluan pembiayaan bagi memenuhi sasaran DPN3 adalah besar, memerlukan jumlah pelaburan sebanyak RM32 bilion untuk tempoh sepuluh tahun akan datang. BNM sedang bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan institusi perbankan bagi menangani isu berkaitan akses kepada kredit untuk membiayai aktiviti sektor pertanian. Bagi memenuhi keperluan pembiayaan di bawah DPN3, usaha-usaha sedang ditumpukan untuk meningkatkan operasi dan kecekapan Bank Pertanian Malaysia bagi membolehkan bank berkenaan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menyalurkan kredit kepada sektor pertanian. Di samping itu, BNM sedang bekerjasama dengan industri insurans untuk mengenal pasti dan memastikan ketersediaan perlindungan dan perkhidmatan insurans yang diperlukan di bawah DPN3. Satu pasukan petugas mengenai insurans pertanian telah ditubuhkan yang terdiri daripada wakil-wakil BNM, Kementerian Pertanian, Bank Pertanian Malaysia dan penanggung-penanggung insurans, untuk merangka satu mekanisme bagi memperkenalkan produk perlindungan insurans yang sesuai bagi sektor pertanian, serta untuk melengkapi usaha-usaha yang lain dalam memperbanyakkan sumber kredit untuk pembiayaan aktiviti pertanian.

Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan

Labuan telah diisytiharkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) pada Oktober 1990 untuk melengkapkan aktiviti pasaran kewangan domestik di Kuala Lumpur, dan mengukuhkan sumbangan perkhidmatan kewangan kepada Keluaran Negara Kasar Malaysia, di samping memajukan pulau tersebut serta kawasan sekitarnya. Di peringkat awal penubuhan IOFC, strategi utamanya ialah untuk mencapai saiz kritikal dengan menarik lebih banyak peserta terbaik dan berkualiti yang dapat menyediakan perkhidmatan dan produk kepada pelabur yang melabur di rantau ini. Dengan tercapainya matlamat ini, pendekatan berikutnya adalah untuk menambah kekuatan dan kepakaran para peserta yang sedia ada, menggalakkan perluasan skop dan kepelbagaian perkhidmatan luar dan produk secara proaktif. Selaras dengan perkembangan ini, kajian semula ke atas peraturan dan pengawalseliaan sedia ada akan dilaksanakan bagi memudahkan perniagaan baru, dan pada masa yang sama membolehkan penyedia perkhidmatan luar pesisir meningkatkan keupayaan dan kepakaran bagi mengembangkan perniagaan mereka.

IOFC di masa hadapan bukan sekadar berkembang maju atas sebab perkhidmatan kewangan luar pesisir semata-mata, tetapi merupakan sebuah pusat kewangan yang turut dibangunkan secara holistik untuk menyokong pembangunan pulau ini, dan memainkan peranan yang berkesan dalam melengkapkan pasaran kewangan domestik. Oleh itu, usaha-usaha akan ditujukan untuk menggalakkan dan mempelbagaikan para peserta dan aktiviti kewangan di IOFC, mempergiatkan pembangunan perniagaan perbankan Islam dan takaful semula, serta membangunkan dan mengukuhkan pasaran modal, e-dagang dan khidmat sampingan.

Penutup

Penggubalan PISK adalah tepat pada masanya dan sesuai untuk menangani isu-isu kritikal berhubung dengan hala tuju masa hadapan dan pembangunan strategik sektor kewangan. Ia menampilkan hasrat Kerajaan untuk memastikan sektor kewangan terus berdaya tahan dan berdaya saing, serta bagi memenuhi permintaan ekonomi yang semakin kompleks. Saranan-saranan yang digariskan dalam PISK akan dilaksanakan melalui pendekatan perundingan dengan objektif untuk mempercepatkan proses tersebut. Sungguhpun BNM akan mengawasi prestasi keseluruhan dan pencapaian peringkat-peringkat pelaksanaan yang ditetapkan, adalah perlu ditekankan bahawa kejayaan rancangan keseluruhan bergantung kepada pemuafakatan dan kerjasama semua pihak, baik dalam sektor awam mahupun swasta.